

Pendapatan isi rumah rakyat Malaysia naik 2.4 peratus

Kota Bharu: Purata pendapatan isi rumah rakyat Malaysia meningkat sebanyak 2.4 peratus dalam tempoh masa empat tahun, iaitu sebanyak RM8,479 bagi tahun lalu.

Pengarah Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) Kelantan, Fareza Mohamed Sani, berkata ia berbanding 2019, iaitu sekitar RM7,901 sahaja.

Katanya, data berkenaan diperoleh melalui Survei Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah (HIES) 2022 yang dijalankan pihaknya sebanyak dua kali dalam tempoh lima tahun untuk bertujuan, untuk mendapatkan maklumat berkaitan tingkat pendapatan, corak perbelanjaan, status kemiskinan dan jurang pendapatan sebagai penyediaan Rancangan Malaysia.

"Terdapat empat punca pendapatan isi rumah iaitu pendapatan bergaji, bekerja sendiri, harta serta pelaburan dan pindahan semasa diterima.

"Situasi pengeluaran khas wang simpanan melalui Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) meningkatkan purata perbelanjaan isi rumah sebanyak RM5,150 sebulan pada 2022 berbanding hanya RM4,609 sebulan pada tahun 2019.

"Berdasarkan peruntukan perbelanjaan yang dibuat oleh isi rumah, komposisi corak perbelanjaan masih tertumpu kepada empat kumpulan perbelanjaan



Fareza melihat carta purata pendapatan isi rumah di reruai DOSM pada Karnival Jom Heboh BABA'S di RTC Tunjung, Kota Bharu, semalam.
(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

utama iaitu kumpulan perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain, makanan dan minuman bukan alkohol, restoran dan hotel serta pengangkutan.

"Selain itu, hasil HIES 2022 juga menunjukkan bahawa negara berada pada landasan betul ke arah mencapai matlamat menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi hasil daripada keberkesanan program dan inisiatif pembangunan sosioekonomi yang berterusan oleh kerajaan dalam memastikan pertumbuhan ekonomi negara," katanya.

Beliau ditemui di reruai Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada Karnival Jom Heboh (KJH) BABA'S di Pusat

Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjung, di sini, semalam.

Jurang pendapatan semakin mengecil

Fareza berkata, jurang pendapatan rakyat juga semakin mengecil dengan mata indeks 0.407 pada 2019 kepada 0.404 pada 2022 dan situasi berkenaan berlaku kawasan bandar serta luar bandar.

"Pada masa sama, pihak kami juga mengesan insiden kemiskinan di bandar yang mana meningkat kepada 4.5 peratus dalam tempoh empat tahun (3.9 peratus).

"Walaupun bagaimanapun, situasi berbeza di luar bandar di mana insiden kemiskinan mencatat



Pegawai DOSM Kelantan melayan pengunjung di reruai DOSM.

penurunan kepada 12.0 peratus berbanding 12.4 peratus (2019).

"Semua negeri mencatat peratusan kemiskinan tegar yang rendah iaitu antara 0 hingga 0.5 peratus kecuali bagi Sabah serta Kelantan yang masing-masing mencatat bacaan 1.2 peratus dan 0.8 peratus.

"Bilangan isi rumah miskin tegar yang berpendapatan di bawah RM1,198 telah menurun kepada 0.2 peratus (18,445 isi rumah) berbanding 0.4 peratus pada tahun 2019.

"Melalui HIES 2022 yang dijalankan pihak DOSM ini, dapat memberi gambaran jelas kepada kerajaan khususnya mengenai sosioekonomi isi rumah rakyat

seluruh negara selain data yang terhasil boleh digunakan oleh pelbagai pihak," katanya.

Menurut Fareza, DOSM turut terlibat dalam KJM BABA'S pada kali ini untuk memperomosi pelaksanaan Banci Ekonomi 2023 yang sedang berlangsung bermula April sehingga Oktober ini.

Jelasnya, terdapat juga pelbagai pameran produk statistik penerbitan DOSM terkini seperti Laporan Sosioekonomi 2022, penemuan utama Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2022 dan Portal OPENDOSM.

Selain itu pelbagai aktiviti seperti kuiz juga disediakan untuk pengunjung KJM BABA'S.